



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN

YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR

TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018

Tema : “Mengupaya Potensi, Memperkasa Organisasi”

PADA

30 APRIL 2019 (SELASA)

Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid

Kompleks Kerja Raya

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kata Alu-Aluan

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan,
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman,
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
(CIDB)

Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz Bin Abdullah,
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Yang dihormati dan diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang KKR bagi tahun 2018,

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
sekalian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Selamat Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana pada pagi ini kita dapat meneruskan agenda penting Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk meraikan pegawai-pegawai dan warga kerja Kementerian bersama-sama Agensi di bawahnya dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2018.
2. Saya amat berbangga dan berasa gembira kerana dapat menggalas tugas dalam melaksanakan tanggungjawab bersama-sama dengan Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan. Terima kasih atas kerjasama yang tidak berbelah bahagi yang telah diberikan dalam memastikan tugas-tugas saya selaku Timbalan Menteri Kerja Raya dapat disempurnakan dengan baik.
3. Saya akan menjalankan tugas berdasarkan amanah rakyat dan bersandarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Saya memahami bahawa Kementerian Kerja Raya (KKR) mempunyai tanggungjawab yang berat di mana tuntutan rakyat terhadap kesempurnaan dan kelengkapan prasarana, adalah keutamaan kita.

TEMA APC 2018: 'MENGUPAYA POTENSI, MEMPERKASA ORGANISASI'

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Saya difahamkan seramai 867 orang warga Kementerian Kerja Raya telah layak dan akan menerima anugerah ini. Dimaklumkan bilangan penerima APC KKR dan agensi adalah:
 - i. KKR : 57 orang
 - ii. JKR : 699 orang
 - iii. CIDB : 83 orang
 - iv. LLM : 28 orang

5. Syabas diucapkan kepada penerima APC 2018. Saya yakin tuan dan puan adalah diantara yang telah berusaha, tahun demi tahun untuk meningkatkan prestasi tugas tuan-tuan. Oleh itu, jadikanlah hari ini sebagai satu titik tolak kepada tuan dan puan untuk melaksanakan anjakan perubahan ke arah penghasilan kualiti kerja yang lebih cemerlang di jabatan masing-masing.

6. **'Mengupaya Potensi, Memperkasa Organisasi'** telah diangkat menjadi tema APC 2018. 'Potensi' didefinisikan sebagai kemampuan untuk mencapai, menghasilkan atau keupayaan melakukan sesuatu. Manakala 'organisasi' pula didefinisikan sebagai kumpulan, kesatuan atau pertubuhan yang menjalankan fungsi-fungsi tertentu.

7. **'Mengupaya Potensi, Memperkasa Organisasi'** membawa konteks KKR sentiasa berusaha untuk menyemai, mengenal pasti, menggilap dan menyuburkan potensi dan bakat yang ada dalam diri setiap warganya. Warga yang mempunyai potensi cemerlang akan membantu memacu dan memperkasa organisasi ke tahap tertinggi untuk mencapai visi dan misi Kementerian secara keseluruhannya.

BUDAYA KERJA CEMERLANG BERASASKAN PRESTASI ATAU KPI

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Meningkatkan proses perkhidmatan adalah penting dalam memastikan sesebuah organisasi agar terus mampu bersaing dan kekal cemerlang. Penanda aras kualiti perkhidmatan yang baik merupakan salah satu strategi persaingan yang dapat meningkatkan prestasi individu yang bekerja dan seterusnya meningkatkan prestasi organisasi secara umumnya. Walau bagaimanapun, usaha mewujudkan kesedaran bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan itu bukanlah perkara yang mudah. Ia merupakan tanggungjawab semua, yang berat untuk dilaksanakan kepada organisasi tanpa kerjasama yang padu
9. Justeru itu, bagi memastikan budaya kerja cemerlang dapat dijadikan amalan atau budaya oleh setiap individu, Kerajaan telah menyarankan satu kaedah pengukuran kepada budaya kerja yang berasaskan prestasi dengan menggunakan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau "*Key Result Indicator*" (KRI). Ianya merupakan satu pengukuran yang sistematik dalam membuat perbandingan antara sasaran yang ditetapkan dan pencapaian bagi memastikan semua perkhidmatan dapat disampaikan kepada pelanggan dengan baik.
10. Berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk *Minister' Performance Indicator* (MPI) 2018 yang mencatat markah 98.74 peratus, saya

mendapati budaya kerja cemerlang telah dibuktikan oleh pegawai-pegawai Kementerian mahupun Agensi-agensi.

11. Di kesempatan ini, saya dengan sukacitanya mengucapkan syabas di atas komitmen pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi dalam menjayakan program-program MPI 2018 dengan begitu cemerlang. Saya yakin bahawa Kementerian dan Agensi mempunyai pegawai-pegawai yang amat komited dan berdedikasi dalam merealisasi halatuju Kementerian. Saya menyeru warga Kementerian dan Agensi agar terus memacu kecemerlangan ini pada tahun 2019 juga.

BAJET MENGURUS KKR

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai bajet mengurus KKR bagi tahun 2019. Secara keseluruhannya, KKR menerima peruntukan berjumlah sebanyak RM7.164 bilion. Bagi Bajet Mengurus, KKR menerima sebanyak RM1.048 bilion, di mana **berkurangan sebanyak 47.67 peratus** berbanding peruntukan yang diterima bagi tahun 2018. Bagi Bajet Pembangunan pula, KKR menerima peruntukan sebanyak RM6.11 bilion iaitu **meningkat sebanyak 62.5 peratus** berbanding dengan peruntukan yang diterima pada 2018.
13. Prestasi keseluruhan bagi perbelanjaan B.27 sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM1.963 billion atau **98.40 peratus** daripada keseluruhan RM1.995 billion yang diterima oleh

KKR. Untuk makluman, prestasi perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak 0.76 peratus berbanding dengan prestasi perbelanjaan pada tahun 2017.

14. Prestasi ini juga antara paling tinggi sejak tahun 2014. Peningkatan prestasi ini didorong oleh perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Dasar Sedia Ada KKR khususnya Emolumen 2018 (101.74 peratus), Program Khusus Bayaran Pampasan Tol (99.99 peratus), Program Khusus Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (99.11 peratus), Bangunan Gunasama Persekutuan (99.02 peratus), Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen) (99.25 peratus).
15. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha meningkatkan prestasi perbelanjaan ini dan meneruskan kecemerlangan pencapaian sasaran KRI sebanyak 99 peratus bagi tahun 2019.

MENAIKTARAF SISTEM PENGURUSAN BERKUALITI PENSIJILAN ISO 9001: 2008 KEPADA ISO 9001:2015

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sejar dengan '*trend*' pengurusan abad ke 21, Peningkatan berterusan kepada Sistem Pengurusan juga turut telah berlaku. Terkini, Piawaian Antarabangsa ISO 9001:2015 telahpun diperolehi oleh Kementerian Kerja Raya. Pada September 2018, KKR telah berjaya menaiktaraf Sistem Pengurusan Kualiti versi terkini iaitu MS

ISO 9001:2015. Pensijilan dari SIRIM QAS Sdn Bhd telah diperolehi dan berkuatkuasa sehingga Disember 2019.

17. Sistem Pengurusan Berkualiti ini penting dalam perkhidmatan awam, untuk meningkatkan keberkesanan, keseragaman dan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Ia juga merupakan piawaian antarabangsa yang menetapkan dan menerangkan elemen-elemen asas yang harus ada bagi sesuatu Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dalam memastikan produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah organisasi sentiasa memenuhi kehendak pelanggan. Ini amat relevan dengan peranan KKR dan Agensi di bawahnya yang terlibat dengan pengurusan dan pembangunan projek-projek Infrastruktur kepada rakyat.


INDEKS PENARAFAN BINTANG (*System Star Rating - SSR*)

18. Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) oleh MAMPU merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi Agensi Sektor Awam. Elemen transformasi dan inovasi adalah fokus budaya kecemerlangan Agensi dalam memastikan keberhasilan, memenuhi keperluan pelanggan dan aspirasi *stakeholders* tercapai. KKR telah berjaya memperolehi penarafan lima bintang pada 2017 yang terpakai bagi tempoh dua tahun iaitu 2017-2018. Diharapkan pada tahun 2019 ini KKR akan terus berjaya mengekalkan penarafan lima bintang.

PENUTUP

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

19. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima APC KKR bagi tahun 2018. Tidak lupa juga kepada pihak urus setia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar dan jaya. Saya berharap tuan dan puan dapat mengekalkan momentum prestasi yang cemerlang bagi tahun-tahun yang mendatang.

20. Dengan lafaz  saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKR bagi tahun 2018.

21. Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.